

01/05/1999

Campur tangan asing tidak perlu

Akib; Sariha Mohd Ali; Dewi Murni Mohamed; Torek Sulong
ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak memerlukan campur tangan asing kerana percaya rakyat yang akan menentukan masa depan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) dan Umno juga tidak akan meminta pertolongan asing kerana percaya kepada rakyat Malaysia dalam menentukan nasib mereka dan nasib parti pembangkang yang menentang kerajaan.

Pada masa yang sama, beliau berkata Malaysia tidak akan mencampuri urusan dalaman negara lain, walaupun ada permintaan daripada pihak tertentu di Filipina.

"Kita percaya kepada rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia saja yang berhak untuk tentukan nasib rakyat negara ini dan parti-parti yang lawan kita.

"Negara ini adalah bebas merdeka dan rakyat akan tentukan nasib mereka sendiri," katanya pada sidang akhbar sejurus tiba untuk lawatan tiga hari ke Kedah hari ini.

Beliau diminta mengulas lawatan Presiden Parti Keadilan Rakyat (KeADILan), Dr Wan Azizah Wan Ismail, ke Filipina bagi mengumpul sokongan dan dakwaan yang mengaitkan peristiwa 'kuasa rakyat' yang pernah berlaku di negara itu kini menular di Malaysia.

Isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu berada di negara berkenaan atas jemputan bekas presiden, Corazon Aquino, yang mengetuai gerakan kuasa rakyat menumbangkan kerajaan Ferdinand Marcos, selepas suaminya, Benigno Aquino ditembak mati.

Dalam temu bual dengan stesen televisyen, Dr Wan Azizah menyuarakan persamaan antara Malaysia dengan Filipina ketika negara itu diperintah oleh Marcos dengan mendakwa rakyat Filipina sudah membuktikan diktator sebenarnya boleh ditumbangkan.

Beliau juga menyifatkan Dr Mahathir dan 'penyokongnya yang terdesak' bersungguh-sungguh memusnahkan kerjaya politik Anwar.

Dr Mahathir berkata, Dr Wan Azizah memang mahu mendapatkan sokongan daripada negara asing, tetapi tidak pasti bentuk sokongan yang diperlukannya.

"Jadi nampak ada orang yang berpendapat bahawa urusan rumah tangga perlu campur tangan orang asing. Sebaliknya, BN dan Umno tidak akan minta pertolongan daripada sesiapa.

"Tak ada campur tangan daripada orang lain, kita pun tak campur tangan. Kalau kita nak campur tangan dalam masalah Filipina, ada banyak orang Filipina minta pertolongan kita, tetapi kita tak campur tangan dalam urusan rumah tangga orang lain," katanya.

Mengenai kemungkinan campur tangan Filipina akan menjejaskan semangat setiakawan Asean, Perdana Menteri berkata, ia terpulang kepada Filipina.

"Kita berpegang kepada undang-undang negara kita. Jika kita hanya pegang (undang-undang) apabila keputusannya menguntungkan kita, ia tidak bermakna sama sekali.

"Orang ini bercakap mengenai keluhuran undang-undang, tetapi apabila kena pada dirinya sendiri, mereka dapati merugikan mereka. Masa itu mereka tak pakai undang-undang lagi.

"Kita yakin kalau mahkamah membuat keputusan dia tidak bersalah, hari ini hakim itu disanjung tinggi. Jadi, bukan pelaksanaan undang-undang yang penting ... sama ada kita dapat sesuatu atau tidak (yang lebih penting). Kalau dapat bagus ... kalau tak dapat, tak bagus," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, membidas kenyataan Dr Wan Azizah yang meminta sokongan politik dari Filipina untuk melakukan perubahan di Malaysia menerusi perjuangan kuasa rakyat.

Sebaliknya, beliau berkata, kuasa rakyat tidak diperlukan bagi membawa perubahan di negara ini kerana ia memang sudah wujud dalam Umno dan BN.

"Dia nak kata apa... dia katalah. Kuasa rakyat kita adalah Umno dan Barisan Nasional. Inilah kuasa yang telah menentukan arah dan matlamat negara kita selama ini.

"Inilah badan yang berusaha membangunkan negara sehingga menjadi antara negara termaju di kalangan negara sedang membangun.

"Inilah kuasa yang ada, kuasa rakyat yang diwakili oleh BN yang sehingga kini dapat menjaga negeri kita supaya lebih selamat, aman, sentosa dan rakyat dapat hidup dalam keadaan selesa tanpa takut serta menikmati segala hasil pembangunan.

"Kuasa inilah membolehkan rakyat dapat merebut apa juga peluang yang berkualiti untuk maju dalam kerjaya mereka dan dalam apa juga. Kuasa rakyat adalah dalam BN," katanya ketika ditemui di Pokok Sena, dekat sini hari ini.

Sementara itu, pemimpin Umno menyifatkan tindakan Dr Wan Azizah mengkritik pemimpin Malaysia di luar negara adalah keterlaluan.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai 'pembelotan' terhadap negara, mereka berkata ia menunjukkan sikap tidak patriotik dan mencerminkan ceteknya pengalaman Dr Wan Azizah dalam meraih simpati.

Di SUNGAI PETANI, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tindakan melemparkan tuduhan melulu dan fitnah kepada pimpinan negara seperti menyamakan Dr Mahathir dengan Marcos adalah keterlaluan dan tidak berasas.

"Dari segi fakta kita lihat di bawah Dr Mahathir banyak kemajuan dan pembangunan sedangkan ketika pemerintahan Marcos, Filipina berada dalam keadaan sebaliknya," katanya.

Menurutnya, tindakan Dr Wan Azizah juga boleh menimbulkan masalah serantau dengan mengheret sebuah negara anggota Asean mencampuri urusan dalaman sebuah negara anggota lain.

Katanya, walaupun kerajaan negara itu menyatakan lawatan berkenaan adalah bersifat peribadi, sebaiknya Presiden Joseph Estrada tidak membuat apa-apa kenyataan yang boleh ditafsir mencampuri urusan dalaman negara Asean lain.

Di KUALA LUMPUR, Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, pula berkata, rakyat tidak akan terpengaruh dengan tindakan memburuk-burukkan pemimpin, sebaliknya mereka akan menggunakan kuasa mereka untuk menolak pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

"Sejarah membuktikan rakyat negara ini matang memilih parti pemerintah dan mereka tidak akan menggunakan saluran tunjuk perasaan dan keganasan untuk menukar kerajaan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, rakyat negara ini juga tidak akan terpengaruh dengan slogan 'kuasa rakyat' yang digembar-gemburkan pembangkang kerana sebarang tindakan yang melanggar undang-undang hanya akan mengundang huru-hara.

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pula menyifatkan Dr Wan Azizah sebagai 'tenggelam punca' kerana meminta sokongan politik dari Manila.

"Tindakan itu membuktikan beliau tidak lagi mepedulikan dan meletakkan negara sebagai kepentingan utama sebaliknya meminta bantuan orang asing sedangkan masalah itu adalah dalam konteks Malaysia," katanya.

Beliau berkata, langkah itu jugalah adalah usaha sia-sia kerana masyarakat di negara ini akan hilang kepercayaan terhadap kewibawaan beliau sebagai pemimpin parti pembangkang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Shahrizat Abdul Jalil, yang turut melahirkan rasa kecewa dengan tindakan Dr Wan Azizah berkata, tindakan itu jelas bertentangan dengan amalan parti politik di negara ini.

"Dr Wan Azizah seharusnya menggunakan saluran sebenar iaitu pilihan raya untuk meraih sokongan rakyat, bukannya memburuk-burukkan Malaysia dan pemimpin di luar negara.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata lawatan Dr Wan Azizah ke Manila seolah-olah menjemput pihak luar mencampuri urusan dalaman negara ini.

Sehubungan itu, katanya, Filipina perlu berwaspada jika mereka berhasrat ingin memberi sokongan kepada pemimpin pembangkang itu, kerana kedua-dua negara mempunyai hubungan baik sebagai anggota Asean.

Ini kerana, di kalangan negara Asean sudah mempunyai persefahaman untuk tidak mencampuri urusan di negara ahli yang lain.

"Kita tidak suka jika ada rakyat negara ini cuba mendapatkan bantuan pihak luar untuk menyelesaikan masalah politik dalam negara terutama jika negara yang dicari itu adalah di kalangan ahli Asean," katanya.

Di BACHOK, Ahli MT Umno, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata golongan yang bertindak memburuk-burukkan kepemimpinan dan kerajaan di luar negara boleh ditakrifkan sebagai tidak bertanggungjawab, tidak mempunyai semangat patriotisme dan mementingkan diri.

Menurutnya, Dr Wan Azizah dan pemimpin pembangkang lain perlu mengutamakan pembelaan maruah negara dan tidak bersikap sebagai pembelot terhadap kedaulatan tanah air sendiri.

(END)